

SOALAN NO: 25

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman
[Tanjong Manis]
TARIKH : 3 November 2014
SOALAN : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman
minta **MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan
adakah terdapat perancangan Kementerian
untuk membenarkan syarikat tempatan dan
syarikat luar negara bekerjasama secara
terus_ apabila kriteria yang ketat dikenakan
untuk permit vesel laut dalam kepada
syarikat tempatan yang berminat untuk
menggunakan khidmat vesel milik asing
memandangkan harga kos yang agak tinggi
untuk syarikat tempatan memiliki kapal-
kapal besar untuk perikanan laut dalam.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedar mengenai masalah yang dihadapi oleh pengusaha laut dalam yang terpaksa menanggung kos yang tinggi bagi membeli vesel bina baru atau vesel terpakai di dalam negara. Sehubungan itu bermula Januari 2014, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah memberi kelonggaran dengan membenarkan semula perolehan vesel dari luar negara sama ada bina baru atau terpakai. Walau bagaimanapun, kelonggaran ini adalah terkecuali bagi pembelian vesel dari Vietnam. Pembelian vesel pukat tunda dari Thailand pula perlu memenuhi syarat-syarat yang lebih ketat.

Syarat yang lebih ketat tersebut dikenakan adalah bagi mengatasi isu-isu seperti membawa balik ikan ke negara asal vesel, pemunggaran ikan di tengah laut dan isu penyeludupan minyak di tengah laut yang didapati kerap berlaku pada masa ini. Vesel yang dibeli dari luar negara tersebut hendaklah dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia melalui jual beli yang sah. Sehubungan itu, melalui kelonggaran kebenaran perolehan vesel dari luar negara tersebut, diharapkan dapat membantu pengusaha untuk memperoleh vesel dengan harga yang lebih rendah.